

578:

PARLIMEN—BUKU TEKS

1976  
KUALA LUMPUR, 12 APRIL (BERNAMA) — TINDAKAN MAHKAMAH AKAN DIAMBIL KEATAS PENJUAL BUKU YANG MEMBELI DAN MENJUAL BUKU—BUKU TEKS SEKIM PINJAMAN KERAJAAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMDERI AMARAN HARI INI.

SEMUA BUKU TEKS YANG DIBEKALKAN KE SEKOLAH—SEKOLAH DI BAWAH SEKIM PINJAMAN HENDAKLAH DIPULANGKAN KEPADA PIHAK PENERBIT DENGAN SEGERA OLEH SEKOLAH—SEKOLAH JIKA DIDAPATI BUKU—BUKU TERSEBUT ROSAK.

MENJAWAB SOALAN DR. HEE TIEN LAI (BN—AYER HITAM) DI DEWAN RAKYAT DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MEMINTA IBUBAPA BERHATI—HATI APABILA MEMBELI BUKU—BUKU DI KEDAI—KEDAI BUKU ATAU DARI ORANG PERSAORANGAN.

SEKIRANYA BUKU—BUKU TEKS YANG DIBELI ITU MEMPUNYAI COP NAMA SEKOLAH TERTENTU DAN COP SEKIM PINJAMAN BUKU—BUKU TEKS KERAJAAN, IBU BAPA DIKEHENDAKKI MELAPURKAN PERKARA ITU KEPADA KEMENTERIAN PELAJARAN, PEJABAT PELAJARAN NEGERI ATAU GURU BESAR SEKOLAH DENGAN SEGERA SUPAYA TINDAKAN DIAMBIL.

MENJAWAB SOALAN ENCIK NGAN SIONG HIN (DAP—KINTA) DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TIDAK BERCADANG UNTUK MEWAJIBKAN PELAJARAN MENENGAH DI NEGARA INI KERANA KEADAAN KEHADIRAN MURID—MURID DI SEKOLAH—SEKOLAH MENENGAH BUAT HASA INI MEMUASKAN.

BAGAIMANAPUN, JELASNYA, LANGKAH—LANGKAH SEDANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMPERBAIKI KEADAAN TERSEBUT. — BERNAMA 1631/BY